

18 JUL 2000

Parlimen-Ceria

UCAP SELAMAT PEMBANGKANG PADA PM CERIAKAN DEWAN

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Ucap selamat daripada dua anggota pembangkang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan suasana ceria pada persidangan Dewan Rakyat hari ini yang turut dihadiri oleh pemerhati daripada kalangan pelajar.

Wan Nik Wan Yusof (PAS-Bachok) ketika bangun mengemukakan soalan ketiga untuk dijawab oleh Dr Mahathir, berkata: "Saya ucapkan salam sejahtera 'especially' kepada PM" sebelum memulakan soalannya.

Wan Nik meminta Perdana Menteri menjelaskan maksud kenyataannya semasa Sidang Kemuncak Perniagaan Eropah-Asia 2000 di sini bulan lepas bahawa lokasi strategik tidak lagi bermakna khasnya dalam menjalankan perdagangan antarabangsa.

Sebelum memberi jawapannya, Dr Mahathir menyambut salam itu dengan berkata: "Saya ucapkan terima kasih sebab tuju 'especially' pada saya. Saya tak tahu kenapa."

Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) pula sebelum mengemukakan soalan nombor empat dalam kertas Peraturan Mesyuarat hari ini berkata:

"Selamat datang yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Selamat Hari Jadi. Kita pembangkang tak benci," katanya.

Kerk meminta penjelasan mengenai kenyataan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa orang bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir ketika bangun menjawab soalan Kerk itu, menyambut ucap selamatnya dengan berkata:

"Terima kasihlah. Tapi hari ini bukan hari jadi saya. 20 Dis sila hantar kek dan lain-lain... terima kasihlah," katanya berseloroh, disambut tepukan meja dan gelak ketawa mereka yang hadir.

Kerk pula bangun dan berkata; "Jangan lupa hantar kad."

Sebelum persidangan dimulakan, Kelab Penyokong Kerajaan telah mengadakan majlis meraikan hari jadi Dr Mahathir.

-- BERNAMA

NZ NMO